

Ka Siong-Anwar bincang isu rakyat



Ka Siong (kanan) bergambar bersama Anwar (tengah) dan Jock Seng pada pertemuan dengan Perdana Menteri pada Khamis.

SHAH ALAM - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di pejabatnya pada Khamis.

Ka Siong memaklumkan, pertemuan selama 35 minit itu banyak menyentuh tentang isu-isu rakyat dan negara.

Menurut Ahli Parlimen Ayer Hitam itu, turut dibincangkan adalah isu-isu yang dihadapi oleh komuniti Cina dan bertukar pendapat dengan Perdana Menteri mengenai masalah inflasi kos sara hidup dan perkembangan politik terkini.

“Selain itu, dibincangkan cara menarik pelaburan asing terutamanya dari negara China yang mempunyai potensi besar untuk melabur di Malaysia, seterusnya dapat merancakkan pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara,” katanya menerusi hantaran di Facebook.

Turut hadir dalam pertemuan tersebut, Ahli Parlimen Tanjung Piai, Datuk Seri Dr Wee Jock Seng.

Dalam pada itu, pertemuan itu menimbulkan persoalan berhubung usul undi percaya yang akan dibentangkan di dalam sidang Parlimen pada 19 Disember ini, bagi menoktahkan persoalan mengenai keabsahan beliau selaku Perdana Menteri.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun turut menyatakan keyakinan beliau mendapat sokongan dua pertiga ahli Parlimen menerusi usul undi percaya dalam sidang khas itu.

Tambah beliau, keyakinan itu berdasarkan komitmen yang diberikan oleh ketua parti di bawah Kerajaan Perpaduan iaitu Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS).